



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 10 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI LIBATKAN IOT TARIK TENAGA MUDA DALAM PERTANIAN, HM-ONLINE JENAMA SEMULA PRODUK AGROMAKANAN PIKAT BELIA CEBURI PERTANIAN, NASIONAL,BH-23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	RUMAH SOLAR IKAN MASIN, TINGKAT HASIL, DALAM NEGERI, UM-31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	"BUKA PINTU, LALAT MASUK DALAM SELUAR", NEGARA, KOSMO-16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	SUDAH MASANYA HAPUSKAN PENGUASAAN KARTEL, LETTERS, UM-18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	LPP SEDIAKAN JUADAH TENGAH HARI RESIPI OPOR DAGING, KOMUNITI KITA,	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	SABAH PENGEKSPORT TUNGGAL PERIKANAN MALAYSIA, BH-ONLINE TAK NAIKKAN HARGA IKAN PEKASAM, HM-ONLINE PERUSAHAAN MADU KELULUT DI KAPIT, JANA PENDAPATAN LUMAYAN, ASTRO AWANI -ONLINE 24 ADUAN KENAIKAN HARGA MAKANAN DI NEGERI SEMBILAN, NEGARA, KOSMO -16 CARI PENYELESAIAN BAHARU HARGA BARANG, DALAM NEGERI, UM -10 URGENT NEED FOR PRICE CONTROL, VIEWS, THE STAR -14 TIGA SISWAZAH JUAL SAYUR BANTU PETANI, NASIONAL, BH-23 SAUDAGAR TIGA SEKAWAN, TIGA ANAK MUDA BANTU PEKEBUN PASAR HASIL, JUAL SAYUR MURAH UNTUK ORANG RAMAI, LOKAL ,HM-22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	-

MAFI LIBATKAN IOT TARIK TENAGA MUDA DALAM PERTANIAN



Kuala Lumpur: Menjenamakan semula agromakanan dengan pertanian moden merupakan antara usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menggalakkan pembabitkan bakat muda dalam sektor pertanian.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ia termasuk membabitkan mekanisasi, automasi dan Internet benda (IoT) bagi meningkatkan pengeluaran sekali gus meningkatkan pendapatan.

"Selain itu, mewujudkan sumber tenaga industri yang optimum melalui pengintegrasian siswazah dan pekerjaan sebenar dengan latihan amali dan perantisan," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) yang meminta Mafi menyatakan pelan strategik untuk meremajakan sektor pertanian supaya dapat menarik minat generasi belia dan melahirkan lebih ramai usahawan tani muda.

Ahmad berkata menyedari golongan muda lebih terbuka menerima teknologi terutama dalam era IR4.0, kementerian merancang membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor pertanian.

Beliau berkata antara pelan tindakan yang dirancang ialah membangunkan pangkalan data tenaga kerja bagi tujuan data analitik untuk perancangan tenaga kerja dan menggalakkan serta memudah cara universiti dan pakar tempatan untuk menerima pakai program latihan yang holistik.

"Selain itu, ia juga termasuk membangunkan modal insan dan kepakaran untuk menyokong pelaksanaan teknologi baharu; menyediakan platform biasiswa dalam bidang agromakanan dan menaik taraf pusat latihan agromakanan dan universiti dengan kemudahan dan kelengkapan moden ICT dan rangkaian," katanya.

Beliau berkata langkah lain ialah membangunkan program peralihan untuk siswazah bukan pertanian bagi yang berminat untuk menceburi sektor agromakanan; dan melatih serta menggaji siswazah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai ejen pemindahan teknologi.

Mafi juga turut meneruskan pelaksanaan Program Agropreneur Muda yang terbukti berjaya membantu golongan muda dalam bidang pertanian melalui bantuan geran, pinjaman dan latihan, katanya.

Headline	Jenama semula produk agromakanan pikat belia ceburi pertanian		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	23	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,086
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,258



Jenama semula produk agromakanan pikat belia ceburi pertanian

Kuala Lumpur: Menjenamakan semula agromakanan dengan pertanian moden antara usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggalakkan pembabitkan bakat muda dalam sektor pertanian.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata ia termasuk membabitkan mekanisasi, automasi dan internet benda (IoT) bagi meningkatkan pengeluaran, sekali gus meningkatkan pendapatan.

“Selain itu, mewujudkan sumber tenaga industri yang optimum melalui pengintegrasian siswazah dan pekerjaan sebenar dengan latihan amali dan perantisan,” katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) yang meminta MAFI menyatakan pe-

lan strategik untuk memajukan sektor pertanian supaya dapat menarik minat belia dan melahirkan lebih ramai usahawan tani muda.

Ahmad berkata menyedari golongan muda lebih terbuka menerima teknologi, terutama dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), kementerian merancang membangunkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor pertanian.

Beliau berkata, antara pelan tindakan dirancang ialah membangunkan pangkalan data tenaga kerja bagi tujuan data analitik untuk perancangan tenaga kerja dan menggalakkan serta memudahcara universiti dan pakar tempatan untuk meneri-



Ahmad Hamzah

ma pakai program latihan yang holistik.

“Selain itu, ia juga termasuk membangunkan modal insan dan kepakaran untuk menyokong pelaksanaan teknologi baharu; menyediakan platform biasiswa bidang

agromakanan dan menaik taraf pusat latihan agromakanan dan universiti dengan kemudahan dan kelengkapan moden ICT dan rangkaian,” katanya.

Beliau berkata, langkah lain ialah membangunkan program peralihan untuk siswazah bukan pertanian bagi yang berminat mencemburi sektor agromakanan; dan melatih serta menggaji siswazah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional sebagai ejen pemindahan teknologi.

10/12/2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM
NEGERI

31

Rumah solar ikan masin tingkat hasil

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**
utusansnews@mediamulla.com.my

ALOR GAJAH: Nasib sebuah keluarga nelayan di Kampung Ramuan China Besar, di sini berubah selepas menggunakan teknologi rumah solar untuk pemalagaan ikan masin yang diusahakan.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Mohd. Nor Ibrahim, 63, berkata, sejak menggunakan rumah solar tersebut enam bulan lalu, pendapatannya meningkat tiga kali ganda mencecah RM3,000 sebulan.

Katanya, kini nasib keluarganya berubah, malah, mampu menampung sepenuhnya pendidikan dua anaknya yang melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

"Dulu, pendapatan jualan hanya sekitar RM1,000 sebulan, namun, selepas memakai rumah solar ini, memang pendapatan meningkat kerana ikan-ikan lebih cepat kering dan kebersihannya terjamin.

"Kini, saya boleh memasarkan minimum 50 bangkuk ikan masin dengan pendapatan sehari mencecah RM125 sehari atau pernah mencecah hampir RM4,000 sebulan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai rumah solar tersebut, Mohd. Nor memberitahu, bantuan itu diberikan oleh Jabatan Perikanan negeri kepada dua nelayan di kawasan tersebut.

"Saya sebenarnya tidak sangka menjadi salah seorang penenima rumah solar ini yang diberikan melalui geran khas bernilai RM62,000.

"Selain rumah ini, saya turut diberikan peti sejuk beku, mesin pembungkusan plastik dan bekas khas digunakan bagi menyimpan ikan.

"Rumah solar ini suhu di dalamnya sentiasa panas, kalau cuaca di luar lembap, perlamanya akan menyedut kelembapan itu untuk memastikan suhu dalam keadaan terkawal," katanya.

Jelasnya, ikan masin tersebut mengambil masa sekitar dua hari untuk kering sepenuhnya, namun, sekiranya cuaca hujan berterusan pada musim tengkujuh, hasil jualan akan kering dalam masa empat hari.

Ujarnya, antara ikan masin yang dihasilkan adalah kurau, bulu ayam, pari dan gelama yang dijual mengikut permintaan pelanggan.



MOHD. NOR Ibrahim memeriksa ikan masin yang dikemur menggunakan teknologi rumah solar di Kampung Ramuan China Besar, Alor Gajah, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

Penduduk Kampung Lembah Jaya dibelenggu serangan serangga sejak dua tahun lalu 'Buka pintu, lalat masuk dalam seluar'

Isu Pengguna

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

BEYTONG - Nikmat kehidupan dan ketenangan tinggal di kampung kini tidak lagi dirasai oleh kira-kira 300 penduduk di Kampung Lembah Jaya di sini gara-gara serangan lalat sejak dua tahun lalu.

Situasi mengefikan itu tidak hanya dialami di kampung berkenaan, malah kewujudan lalat dalam jumlah yang banyak turut berlaku di kampung berhampiran seperti di Kampung Ampang dan Kampung Hayat di sini.

Akibat 'serang' lalat itu mengakibatkan kira-kira 60 buah rumah di Kampung Lembah Jaya terpaksa ditutup 24 jam sehari perkampungan kosong.

Tinjauan Kosmo! mendapati, kewujudan lalat di kampung berkenaan sangat luar biasa apabila semua kawasan sama ada rumah dan tempat awam seperti surau dan pondok bas turut dipenuhi serangga tersebut.

Lebih memerinakan apabila lalat berterusan akan memasuki seluar atau kain yang dipakai penduduk setiap kali pintu rumah dibuka.

Seorang penduduk Azman Latip, 43, berkata, serangan lalat haur biasa itu berlaku sejak dua tahun lalu, menyebabkan penduduk berasa resah dan bimbang ketenangan hidup di kampung sendiri.

Katanya, penduduk begaikan



PENDUDUK menyebarkan lalat yang berjaya dimatikan menggunakan kertas perangkap serangga di Kampung Lembah Jaya, Beytong kelmarin.



KEADAAN dapur seorang penduduk yang dipenuhi lalat.

lalu binaan dan waktu malam, dinding rumah dan wayar elektrik akan kelihatan hitam akibat diterumi lalat," katanya.

Seorang lagi penduduk, Ismail Zaimi, 60, berkata, kewujudan lalat yang banyak sememangnya amat mengganggu kehidupannya serta memberi ancaman kepada kesihatan.

Ismail yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) cacat penglihatan berkata, ada kalanya dia tidak dapat bergerak daripada teratak serangga berkenaan ketika menjamah nasi memandangkan jumlah lalat yang terlalu banyak.

"Saya tidak nampak lalat dan ketika makan saya hanya libas-libas tangan dan mengharap lalat tidak ada di atas pinggan saya," katanya.

Dalam pada itu, Wan Jamri Wan Ismail, 44 mendakwa, lalat berkenaan dipercayai berpunca daripada sebuah ladang penternakan ayam yang terletak kira-kira 150 meter daripada rumah penduduk kampung.

Katanya, meskipun telah banyak aduan dibuat kepada pihak berkuasa termasuk veterinar dan juga pihak pengurusan, namun tiada tindakan dilakukan sehingga hari ini.

"Saya difahamkan, teraman ayam ini telah diusabkan hampir 10 tahun lalu, tetapi selepas diambil alih pengurusan baharu, kewujudan lalat di kampung mula bertambah.

"Kami bukannya mahu lalat ditangkap, namun perlu ada tindakan berkesan bagi mengurangkan masalah berkenaan," ujarnya.

10 DEC, 2021

Sudah masanya hapuskan penguasaan kartel

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Sudah masanya hapuskan penguasaan kartel

SAUDARA PENGARANG,

KENAIKAN harga barang sudah menjadi barah terutama menjelang tahun baharu. Trend kenaikan harga barang terutama barang runcit dan keperluan harian kerap kali berlaku semasa musim perayaan dan musim hujan.

Orang tengah dalam industri pertanian dan penternakan seolah-olah kebal serta sukar 'disentuh.' Tambahan pula, mereka mempunyai pelbagai alasan untuk menaikkan harga sesuka hati.

Kerajaan harus melihat isu orang tengah atau kartel dalam menguruskan rangkaian pemasaran produk pertanian dan penternakan tempatan ini sebagai ancaman terhadap ekonomi rakyat dan negara.

Perbezaan harga yang besar ini sudah tentu dimanipulasikan oleh orang tengah yang mahukan keuntungan berlipat kali ganda. Bagi rakyat, kenaikan berganda ini tidak boleh diterima sementelah ketika semua dalam kesempitan hidup.

Kerajaan perlu mencari kaedah supaya orang tengah tidak memonopoli sesuatu rantaian perniagaan terutama barangan keperluan harian. Kalau boleh, pasarkan terus dari kawasan ladang atau penternakan tanpa melalui orang tengah dengan memperkasakan kembali peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai pusat mengumpul hasil pertanian secara mega.

Selain itu, kerajaan disaran tidak mudah tunduk atau menyerah kalah kepada orang tengah yang seakan-akan memanipulasi harga terutamanya barang kawalan. Kenaikan sedikit memang wajar dipertimbangkan, tetapi kalau sudah tidak masuk akal dan berganda, memang patut disekat dan tidak dilayan.

Ini kerana peranan orang tengah atau kartel dikhuatiri akan melumpuhkan pasaran produk pertanian tempatan kerana mereka menguasai pasar raya dan mampu mengawal turun naik harga di pasaran tempatan.

ABDUL HAMID
Temerloh, Pahang



KEWUJUDAN kartel atau orang tengah menjadi punca kenaikan harga barangan di pasaran.
- UTUSAN/MOHD. SHAH JEHAN MAAMIN

10 DEC, 2021

Sudah masanya hapuskan penguasaan kartel

[Utusan Malaysia, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

KENAIKAN harga barang sudah menjadi barah terutama menjelang tahun baharu. Trend kenaikan harga barang terutama barang runcit dan keperluan harian kerap kali berlaku semasa musim perayaan dan musim hujan. Orang tengah dalam industri pertanian dan penternakan seolah-olah kebal serta sukar 'disentuh.' Tambahan pula, mereka mempunyai pelbagai alasan untuk menaikkan harga sesuka hati.



LPP sediakan juadah tengah hari resipi Opor Daging Pahang

KETUA Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Azulita Salim antara tetamu khas yang turut memasak sempena Program Dari Dapur Peladangnya *Moh Masak Weh di Dewan Majlis Daerah Jerantut*, Pahang baru-baru ini.

Azulita bantu Pengerusi Peladangnya Pahang, Datuk Nazilah Abd. Latif memasak Opor Daging Pahang, iaitu sejenis masakan tempatan yang popular bagi penduduk Pekan dengan mengambil masa selama 30 minit di dapur Peladangnya *Moh Masak Weh*.

Menurut Nazilah, Azulita ditempuh memasak makanan tersebut selepas perasmian program bertekanan yang turut dilaksanakan oleh seramai 36 ahli

Peladangnya Pahang. Mereka juga menyertai pertandingan masakan tempatan berasaskan ikan sungai, sayuran herba dan hasil pertanian kampung.

Demonstrasi masakan Azulita antara perancangan LPP untuk menghimpunkan resipi makanan warisan orang-orang tua daripada setiap daerah negeri ini bagi tujuan promosi dalam kalangan pelancong.

■ AZULITA Salim (dua dari kiri) dibantu Nazilah Abdul Latif memasak resipi Opor Daging Pahang sempena Program Dari Dapur Peladangnya *Moh Masak Weh di Dewan Majlis Daerah Jerantut*, Pahang baru-baru ini. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	-

SABAH PENGEKSORT TUNGGAL PERIKANAN MALAYSIA

Oleh Izwan Abdullah - Disember 9, 2021 @ 2:48pm



Sabah menjadi satu-satunya pengeksport bersih ikan di Malaysia dengan menyumbang RM2.01 bilion atau 15.7 peratus setahun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri. - Foto hiasan NSTP

KOTA KINABALU: Sabah menjadi satu-satunya pengeksport bersih ikan di Malaysia dengan menyumbang RM2.01 bilion atau 15.7 peratus setahun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, berkata ia sejajar kedudukan sektor perikanan negeri yang mencapai lebih 100 peratus tahap sara diri.

Lebih penggunaan hasil perikanan 25,477 tan metrik yang boleh dieksport direkodkan tahun ini setakat Oktober lalu.

Bagaimanapun, kerajaan negeri merangka strategi jangka panjang bagi memastikan bekalan ikan sentiasa mencukupi, termasuk mengurus sumber marin secara mampan melalui pembahagian zon penangkapan ikan mengikut saiz vesel.

"Kita juga mengawal kuantiti dan kualiti hasil ikan untuk bekalan domestik dan eksport melalui pengeluaran permit import dan eksport. Hingga November 2021, 75 syarikat pengeksport dan pengimort berdaftar dengan Jabatan Perikanan Sabah," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Yusof Yacob (BEBAS-Sindumin) mengenai langkah kerajaan memastikan bekalan makanan di Sabah sentiasa mencukupi pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, hari ini.

Jeffrey yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan negeri, berkata Jabatan Perikanan Sabah turut menempatkan lebih banyak tukun tiruan untuk melindungi habitat ikan, pembiakan dan meningkatkan populasi ikan dengan sebanyak 139 tukun dilabuhkan di sembilan lokasi seluruh negeri pada tahun ini.

"Program memulihara ekosistem marin melalui aktiviti penanaman batu karang turut dilaksanakan dengan ketika ini ada tiga syarikat aktif melaksanakan aktiviti propagasi batu karang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	-

TAK NAIKKAN HARGA IKAN PEKASAM

Mohd Amin Jalil, am@hmetro.com.my



Fatimah Awang bersama sebahagian produk ikan perkasam yang sedia dipasarkan. Foto Mohd Amin Jalil.

Rembau: Seorang pengusaha ikan perkasam tidak bercadang menaikkan harga produk dijualnya, walaupun beberapa barangan bagi memproses produk itu mengalami kenaikan.

Fatimah Awang, 57, dari Kampung Tanah Datar Gadong, Kota, dekat sini, berkata dia sedar jika menaikkan harga produk berkenaan sudah tentu memberi kesan kepada pelanggan tetapnya.

"Memang kos proses ikan perkasam sudah meningkat berbanding sebelum ini terutama bahan diperlukan seperti asam keping, cili dan garam serta bahan mentah lain.

"Bagaimanapun, setakat ini saya masih mahu mengekalkan harga sepeket RM5 kerana pelanggan yang membeli dari kalangan orang tempatan sekitar daerah ini.

"Jika harga dinaikkan sudah tentu memberi kesan kepada mereka ketika kos sara hidup semakin meningkat ketika ini," katanya ketika ditemui, hari ini.

Pesara Lembaga Getah Malaysia (LGM) itu berkata, walaupun margin keuntungan diperolehnya sedikit, dia berpuas hati kerana pelanggan tidak putus-putus mendapatkan produk dihasilkannya.

Fatimah yang turut mengusahakan ikan keli salai berkata, dalam sebulan dia mampu memasarkan ikan pekasam mencecah 200 pek.

"Perniagaan ini diusahakan sebaik bersara daripada LGM dua tahun lalu bagi menampung keperluan perbelanjaan kehidupan keluarga.

"Resipi diperoleh daripada menantu, Khairil Hazmil Shahizan, 36, digunakan dengan sebaiknya kerana saya tidak pernah menghadiri sebarang kursus membuat ikan pekasam.

"Ikan seperti tilapia, lampam, keli, patin dan jelawat diperoleh daripada anak, Mohd Ariffin Mohd Yasin yang mengusahakan kolam ternakan ikan di kawasan seluas 0.8 hektar di kampung ini," katanya.

Menurutnya, ikan pekasam mengambil masa selama dua minggu untuk disediakan sebelum boleh dibungkus dan dijual pada harga RM5 sepeket.

Katanya, selama seminggu, ikan ini akan diperap bersama garam dan asam keping kemudiannya seminggu lagi diperap dalam beras telah digoreng.

"Ketika pandemik Covid-19, jualan memang terjejas sedikit namun, Alhamdulillah, kini jualan semakin baik selepas sekatan rentas negeri dibenarkan dan ada orang tengah membelinya daripada saya.

"Perniagaan saya turut mendapat perhatian Jabatan Perikanan Negeri Sembilan yang membantu membekalkan peralatan pembungkusan serta peti sejuk beku, baru-baru ini," katanya yang dibantu suami, Mohd Yasin Mohd Said, 62.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	-

PERUSAHAAN MADU KELULUT DI KAPIT, JANA PENDAPATAN LUMAYAN



Bermula dengan hanya dua log madu kelulut, seorang pengusaha produk itu di Kapit kini boleh berbangga apabila terus mendapat permintaan yang tinggi. - Foto ihsan Richard Nyalau

KAPIT: Bermula dengan hanya dua log madu kelulut, seorang pengusaha produk itu di Kapit kini boleh berbangga apabila terus mendapat permintaan yang tinggi.

Menurut Richard Nyalau, dia memulakan perusahaan itu bersandarkan minatnya untuk memulakan perniagaan berasaskan produk tani.

Katanya, dia mula berjinak-jinak dalam perusahaan madu kelulut lima tahun lalu dengan membeli dua log di Sarikei.

Kini, dengan pembukaan jalan raya yang menghubungkan Sibu terus ke Song dan Kapit, potensi untuk mengembangkan perusahaan itu terus meningkat.

“Jadi, sebenarnya saya sudah melibatkan diri lima tahun lalu dan mula-mula dulu saya beli dua log ni di Sarikei di rumah mentua pada waktu itu.

“Tetapi dulu susah sebab kita hanya ada akses bot ekspres ke Kapit namun sekarang dengan adanya jalan raya (Jalan Sibu ke Kapit) maka saya boleh terus mengembangkan perniagaan,” katanya ketika ditemui di Astro AWANI di Kapit.

Ujar Richard, pada mulanya dia tidak pasti akan potensi pasaran perusahaan itu lebih-lebih lagi di Kapit.

Ini kerana masyarakat lebih terbiasa dengan madu tualang yang hanya diperoleh di dalam hutan.

Bagaimanapun, dia tidak kenal erti putus asa dan meneruskan usaha untuk memperluaskan pasaran dan memenuhi permintaan.

Kini, dia boleh berbangga kerana sudah memiliki tiga ladang madu kelulut termasuk dua di Kapit dan satu di Sarikei.

Malah hasil madunya kini juga sudah mula dijual merentasi Laut Cina Selatan juga di Sabah.

Ujarnya, usaha ini pasti tidak akan berjaya tanpa bantuan daripada Jabatan Pertanian yang banyak membimbingnya bagi menghasilkan lebih banyak stok madu kelulut.



Richard berkata, dia memulakan perusahaan itu bersandarkan minatnya untuk memulakan perniagaan berasaskan produk tani. - Foto ihsan Richard Nyalau

Richard berkata, dia memulakan perusahaan itu berdasarkan minatnya untuk memulakan perniagaan berasaskan produk tani. - Foto ihsan Richard Nyalau

“Sebenarnya saya banyak bertanya dan membuat rujukan dengan Jabatan Pertanian dan banyak memberi bimbingan kepada saya.

“Saya turut menerima bantuan daripada pejabat Ahli Parlimen Kapit dan menerusi pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Goram, mereka juga memberi bantuan 24 log madu kelulut tambahan kepada saya,” katanya lagi.

Selain itu, dia dan isterinya sebelum ini pernah menghasilkan produk hiliran seperti sabun muka hasil daripada madu kelulut yang diusahakannya.

Namun penghasilan sabun muka itu terpaksa dihentikan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa pada 18 Mac tahun lalu.

Selain terus fokus memperluaskan pasaran dan memperbesarkan perusahaannya, Richard juga kerap dipanggil untuk memberi khidmat bimbingan khusus kepada golongan belia yang ingin berjinak-jinak dalam sektor pertanian.

Harapannya hanya satu, melihat sektor itu terus diperkasa dan mampu menyaksikan penyertaan golongan belia di Kapit dan di seluruh Sarawak.

“Untuk rakan belia di luar sana, sebenarnya bila kita ada usaha pasti akan beroleh kejayaan.

“Tidak apa sektor yang diceburi baik perusahaan madu kelulut atau mengusahakan pertanin fertigasi, sekiranya minat digabungkan dengan kesungguhan, ia pasti membuahkan hasil dan kejayaan yang lumayan,” tambahnya.

24 aduan kenaikan harga makanan di Negeri Sembilan



VEERAPAN mengadakan tinjauan pemantauan harga barangan sempena Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di sebuah pasar raya di Seremban semalam.

SEREMBAN – Sebanyak 24 aduan diterima pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan berhubung kenaikan harga makanan dan minuman di kedai makan dan restoran dari awal tahun ini sehingga semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S. Veerapan berkata, jumlah tersebut adalah daripada 142 aduan berkaitan harga yang diterima dalam tempoh yang sama.

“Secara keseluruhannya, sebanyak 912 aduan diterima daripada pengguna dan antara

kategori tertinggi iaitu aduan melibatkan transaksi dalam talian, perkhidmatan pengelirukan, iklan mengelirukan dan bengkel kenderaan bermotor,” katanya selepas program pemantauan harga barangan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia di sebuah pasar raya di sini semalam.

Sementara itu, sehingga 7 Disember lalu, pihak penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan telah menjalankan sebanyak 39,948 pemeriksaan di premis-premis perniagaan di seluruh negeri ini.

Jelas Veerapan, daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak

532 kes atas pelbagai kesalahan telah berjaya dikenal pasti dan diambil tindakan.

“Kesalahan yang dilakukan adalah dibawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Timbang dan Sukat 1972, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Cap Dagangan 2019 serta Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

“Kesemuanya melibatkan nilai kompaun sebanyak RM219,000 dengan nilai denda yang dikenakan sebanyak RM1.34 juta. Nilai rampasan pula adalah sebanyak RM933,154,” katanya.

Cari penyelesaian baharu harga barang

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memberi fokus kepada isu kenaikan harga barang dengan mewujudkan mekanisme baharu bagi mencari jalan penyelesaian dan membuang dasar-dasar lama yang tidak memberi kebalikan kepada rakyat.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, antara yang pernah beliau cadangkan adalah menubuhkan jabatan tugas khas dipengerusiakan oleh Perdana Menteri bagi menyelesaikan masalah itu secara menyeluruh dan di akar umbi.

"Ahli-ahli politik perlu fokus mencari penyelesaian masalah kenaikan harga dan bukan hanya mementingkan matlamat serta agenda politik.

"Kita tahu cara lama tidak mendatangkan hasil, tetapi mengapa masih menggunakan nya," katanya semasa dihubungi oleh *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, langkah kerajaan melaksanakannya Skim Harga Maksimum Keluaran Malaysia (SHMKM) bagi menstabilkan harga barang



SEBUAH jabatan khas desyar ditubuhkan bagi mencari penyelesaian baharu menangani kenaikan harga barang. - UTUSAN MALAYSIA

hanya bertahan untuk jangka masa pendek kerana silap manipulasi oleh orang tengah masih wujud.

Jacob berkata, orang tengah adalah 'tambung hitam' diperalakan oleh pengguna dalam isu kenaikan harga barang kerana mereka juga terkesan dengan kenaikan harga berdasarkan beberapa faktor kenaikan tersebut.

"Bagaimana seorang peniaga yang juga orang tengah antara pembekal dan pembeli ingin menjual sesuatu barang dengan harga murah jika mereka juga mendapat bekalan tersebut pada harga tinggi?

"Jika pengguna ingin mendapatkan harga barang murah dari A ke Z, apa akan jadi kepada pembekal-pembekal baharu tersebut? Seperti petani,

melayan dan penternak yang menjadi talian untuk menyampaikan makanan kepada pengguna," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzrum Joban berkata, pengguna perlu mengikut budaya baharu dan mendidik pengguna pembeli barang keperluan atau

Urgent need for price control

As many consumers are struggling with more expensive food and essential goods, frequent enforcement is crucial to check and punish profiteers and errant traders.

THE skyrocketing prices of essential goods is a cause for alarm and affect Malaysians from almost every socio-economic group.

Unless you have just returned from a trip to the moon, you would have realised that almost all types of goods - from your teh tarik at the kopitiam to vegetables at the market - have increased in price over the last few months.

A tough economy hasn't helped. And the pandemic has also exacerbated supply chain and logistical issues while higher transportation costs have compounded the situation, leading to a spike in prices.

I took the liberty of doing a dipstick survey at the Port Klang market, a location with which I am familiar.

In general, I found that the price of every single vegetable had increased, some by 100% over the last two to three months.

Some notable examples are coriander, which was RM16 per kg to RM40 currently. Mustard greens from RM2.50 to RM7, ladies' finger from RM6 to RM12 and lettuce from RM5 to RM10.

"Prices of essentials, including fresh meat and vegetables, have gone up by 30% over the last six

months," an acquaintance who provides food to orphanages complained.

"A few of us used to pool our resources and spend about RM350 every month for each orphanage. Our monthly marketing has now increased to roughly RM500," lamented the Good Samaritan.

These price hikes affect Malaysians from all walks of life. Fortunately, my acquaintance and his friends can absorb the additional cost. The same can't be said for Malaysia's B40 group, an estimated 40% of our population that is struggling with the skyrocketing prices of essential goods.

The need for government intervention to address this issue is

urgent need for price controls. The authorities should also consider ceiling prices for certain essential items until the situation is brought under control.

In some circumstances, price increases can be justified by the aforementioned supply chain issues, but there are also instances of unabashed profiteering by unscrupulous sellers.

In the last couple of months, social media has been rife with examples of exorbitant charges, from RM100 fried squid served to a customer in Penang to a RM1,000 bill for a stakap fish dish (Sararamundi) at a Langkawi restaurant.

The *Sunday Star* recently reported that the price of food and drinks was the number one sore point for consumers during the Covid-19 pandemic.

It is no surprise to learn that the number of consumer complaints involving the price of food, drinks and controlled items spiked by 22.5% last year compared with 2019, according to the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry.

Such complaints were channelled to the ministry and comprise all categories of food and beverages,

ranging from prepared and cooked food in restaurants to food products sold in stores and supermarkets.

This is where frequent enforcement is crucial, not only to check unjustified price increases but also to punish and deter profiteers and errant traders.

It was earlier announced that the *Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme* will take effect from now till Dec 31 throughout the country as part of the government's efforts to stabilise the price of necessities and ensure adequate supply in the market.

The items listed under the scheme include live chicken, standard chicken, super chicken, Grade A, B and C eggs, long beans, red chili, tomato, clay sam, imported round cabbage (from Indonesia and China) as well as cucumber.

Hopefully, with the implementation of the scheme, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's enforcement division would step up monitoring and checks to ensure compliance.

Some 2,200 enforcement officers and 1,000 price monitoring officers are expected to be deployed throughout the country for this purpose.



**BRIAN
MARTIN**
E @KlangRed

On your side

Tiga siswazah jual sayur bantu petani

Lepasan universiti hanya ambil untung purata jualan bawah 50 sen sekilogram

Kuantan: Membantu pekebun memasarkan hasil pertanian, seekali gus membahagikan masyarakat mendapatkan sayur segar pada harga murah, menjadi pengangan tiga siswazah universiti ini ketika mula berjinak-jinak dalam bidang pertanian pada awal tahun lalu.

Untuk itu, Muhammad Naqib Azam, 31, bersama dua rakan sebayanya Mohd Syamim Aizat Zaki dan Muhammad Zaid Zubri, bersetuju supaya keuntungan purata sayur-sayuran jualan mereka ditetapkan di bawah 50 sen sekilogram.

Sebagai contoh, Muhammad Naqib, berkata timun yang dibeli daripada pekebun pada harga RM2.70 sekilogram dijual pada harga RM3 sekilogram iaitu lebih murah berbanding RM3.50 yang ditetapkan pada skim kawalan harga.

"Kami menjual pada harga begitu kerana tidak perlu melalui pelbagai lapisan memandangkan semuanya dilakukan sendiri daripada mencari pekebun, membawa hasil ke pusat pengumpulan untuk dibungkus sehingga menghantar kepada pembeli.

"Hubungan baik dengan pekebun juga membahagikan kami mendapatkan harga sedikit murah, selain niat mahu membantu mereka supaya semua hasil pekebun dapat dipasarkan tanpa banyak keremah," kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Terapan, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Projek Fertigasi Inderapura, di sini, yang

menjadi 'pejabat' mereka. Anak jati Raub itu berkata, bagi memastikan harga jualan dapat dikendalikan pada harga murah, mereka juga sepakat tidak mengambil kos pengangkutan secara berlebihan, malah pernah menyerap kos itu apabila harga sayur sedikit meningkat.

Selain timun, Muhammad Naqib, berkata sayuran lain yang dijual seperti lada, bendi dan kacang panjang, bergantung hasil yang boleh diperolehi dari kebun di sekitar Kuantan dan Pekan pada hari berkenaan.

Mengimbangi pembahitan mereka dalam industri pertanian, Mohd Syamim, berkata ia bermula ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila melihat ada pekebun tidak dapat memasarkan produk mereka disebabkan banyak kedai-makan ditutup.

"Untuk membantu petani kami menawarkan diri menjual hasil kebun mereka pada harga murah supaya sekurang-kurangnya mereka boleh dapat pula-



Mohd Syamim menunjukkan bekalan timun sebelum dijual kepada pelanggan ketika ditemui di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Projek Fertigasi Inderapura, dekat Kuantan. (Foto BERNAMA)

ngan modal. Disebabkan tiada platform khusus, kami bermula dengan menjual kepada ahli keluarga, jiran dan penduduk taman perumahan.

"Ikan menerusi mulut ke mulut membantu orang ramai mengenali kami selain turut dipromosikan di media sosial, termasuk di akaun Facebook 'Dari Kebun' supaya lebih mudah orang ramai menghubungi kami.

"Tanpa diduga kami semakin berminat dalam perniagaan sa-

yur ini, lalu menubuhkan syarikat SZ Sayur Trading bagi melancarkan lagi operasi," katanya.

Sejak bergelar 'saudagar sayur' Mohd Syamim, lulusan Ijazah Sarjana Muda Kimia Industri Universiti Malaysia Pahang (UMP), berkata rutin harian mereka bermula seawal 9 pagi dengan mengambil sayur di kebun dan dibawa ke pejabat untuk pengedaran serta pembungkusan.

Bernama

Kuantan

Membantu pekebun memasarkan basil pertanian sekali-pertanian masyarakat mendapatkan sayur segar pada harga murah, menjadi pegangan tiga siswazah ini ketika berjinak-jinak dalam bidang pertanian awal tahun lalu.

Untuk itu, Muhammad Naqib Azam, 31, bersama dua rakan sebayu, Mohd Syamim Aizat Zaki dan Muhammad Zaid Zahri bersepuji keutungan purata sayur mereka ditetapkan di bawah 50 sen setilogram.

Sebagai contoh, kata Muhammad Naqib, timun yang dibeli daripada pekebun pada harga RM2.70 setilogram dijual pada harga RM3 setilogram iaitu lebih murah berbanding RM3.50 yang ditetapkan pada skim kawalan harga.

"Kami berani jual pada harga begitu kerana tidak perlu melalui pelbagai lapisan memandangkan semuanya dilakukan sendiri daripada mencari pekebun, membawa hasil ke pusat pengumpulan untuk diangkut sehingga mengantar kepada pembeli.

"Hubungan baik dengan pekebun membolehkan kami mendapatkan harga lebih murah selain niat mahu membantu mereka supaya semua basil kebun dapat dipasarkan," kata pemegang ijazah Sarjana Muda Sains Ternakan Universiti Putra Malaysia (UPM) ini.

Dia ditemui di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Projek Fertogasi Inderaputra



MUHAMMAD ZAID membina sistem finansial sokongan dijual di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Projek Fertogasi Inderaputra.

mulut membantu orang ramai mengenali kami selain turut dipromosikan di media sosial termasuk di akaun Facebook Dari Kebun supaya lebih mudah orang ramai menghubungi kami.

"Tanpa diduga kami semakin berminat dalam perniagaan sayur lalu menubuhkan syarikat SZ Sayur Trading bagi melancarkan operasi kerana mempunyai pelanggan tetap memandangkan harga kami tawaran lebih murah," katanya.

Sejak bergelar 'saudagar sayur' Mohd Syamim, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Kimia Industri Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkata, rutin harian mereka bermula seawal jam 9 pagi dengan mengambil sayur di kebun dan dibawa ke pejabat untuk pengedaran serta pembungkusan.

Penghantaran sayur bermula jam 12 tengah hari sebelum mereka kembali selepas Maghrib dengan tujuan di pasar raya dan ke-ada.

Untuk melancarkan operasi, Muhammad Syamim berkata, pembeli diwajibkan membuat tempahan sehari sebelum, supaya sayur diambil dalam kuantiti antara 500 kilogram dan satu tan sebari dapat dihabiskan.

Sementara itu, Muhammad Zaid, yang juga lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian UPM berkata, mereka berani mencuburi bidang pertanian dan perniagaan selepas mendapat nasihat Pejabat Pertanian Daerah Kuantan.

"Kami merancang nama beberapa jenis sayur di sini, bagi membolehkan kami terus menawarkan harga murah kepada masyarakat. Ini menjadi sebahagian daripada cabang sebarang ramai," katanya sambil memaklumkan ketiga-tiga mereka bekerja dalam bidang berbeza sebetulnya PKP.

Saudagar tiga sekawan

Tiga anak muda bantu pekebun pasar hasil, jual sayur murah untuk orang ramai

"Iklan menerusi mulut ke mulut bantu orang ramai kenal kami"

Mohd Syamim



tanian, Mohd Syamim berkata, ia bermula ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila melibat ada pekebun tidak dapat memasarkan produk disebabkan banyak kedai makan ditutup.

"Untuk membantu petani, kami menawarkan diri menjual basil kebun mereka sekurang-kurangnya mereka boleh dapat pulangan modal. Disebabkan tiada platform khusus, kami dengan menjual kepada ahli keluarga, jiran dan penduduk pertengahan.

"Iklan menerusi mulut ke

di sini, yang menjadi 'pejabat' mereka, semalam.

Anak jati Raub itu berlainan bagi memastikan harga jualan ditetapkan pada harga murah, mereka sepakat tidak mengambil kos pengangkutan berlebihan, malah menyeras kos ter-meningkat.

Selain timun, Muhammad Naqib berkata, sayur lain seperti lada, bendi dan kacang panjang, bergantung hasil yang boleh diperolehi dari kebun di sekitar Kuantan dan Pekan.

Mengonbas perbibitan mereka dalam industri per-